

Pendapatan isi rumah perlu ditingkatkan

SHAH ALAM - Kerajaan digesa meningkatkan pembangunan dan pengurusan sumber manusia bertaraf dunia bagi menaikkan pendapatan isi rumah rakyat.

Pengarah Hak Asasi Manusia Manusia, Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna-pengguna

Malaysia (Era Consumer Malaysia), Muhammad Sha'ani Abdullah berkata, isu yang masih membelenggu rakyat sehingga hari ini adalah peningkatan kos sara hidup.

"Macam mana tak terbeban dengan kos sara hidup apabila peningkatan kos tidak selaras dengan peningkatan

pendapatan diterima. Saban tahun kita lihat kerajaan bentang bajet tetapi penyelesaian yang diberikan tidak menyeluruh.

"Sebagai contoh Bantuan Rakyat 1Malaysia bersifat sementara. Begitu bantuan rumah pertama, pembeli masih bermasalah untuk dapatkan pinjaman bank kerana syarat

ketat disebabkan gaji rendah," katanya, semalam.

Jelasnya, kenaikan harga barang juga menyebabkan kos harian meningkat.

"Harga barang akan sentiasa meningkat berdasarkan kos pengeluarannya. Tapi kalau gaji seseorang itu tidak naik, mereka akan terbeban," katanya.

Tegasnya, antara punca utama kegagalan meningkatkan taraf sumber manusia di negara ini disebabkan struktur ekonomi negara itu sendiri.

"Saya hairan macam mana negara kita tidak boleh laksana dan tidak mempunyai wang sedangkan kita sebuah negara yang ada hasil bumi," katanya.



MUHAMMAD SHA'ANI

SH